



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 24 SEPTEMBER 2025

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	TAHI AYAM PUNCA SUNGAI TERCEMAR, NEGERI, SINAR HARIAN, M/S – 16	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	LEBIH SATU TAN IKAN MATI DI SUNGAI BEKOK, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 19	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	LEBIH 1 TAN IKAN MATI!, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 6	
4.	SISTEM SALIRAN TAK IKUT STANDARD, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 6	
5.	KERAJAAN DICADANG WUJUDKAN KAD PETROL KHAS PESAWAH, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 4	LAIN – LAIN
6.	INFLASI NAIK 1.3% OGOS LALU, NIAGA, KOSMO, M/S – 30	
7.	PENEROKAAN HUTAN ANCAM LEBAH, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 2	
8.	'NAIKKAN HARGA KEPADA RM1,800', NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 10	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Lebih satu tan ikan mati di Sungai Bekok

Hasil siasatan JAS dapat pelepasan najis ladang ternakan disyaki jadi punca

Oleh Alias Abd Rani
bhnews@bh.com.my

Penduduk, Muhd Sufi Sharifudin, 31, yang juga nelayan di sungai itu berkata, kejadian kali ini menyaksikan paling banyak ikan ditemui mati sejak dia menetap di kawasan itu, lima tahun lalu.

"Akhir bulan lalu, hampir satu tan ikan ditemukan mati dan ketika itu, saya bersama Jabatan Perikanan melakukan tinjauan di sungai bagi mengenal pasti puncanya.

"Kejadian pada 18 September lalu adalah terbesar kerana lebih banyak ikan ditemukan mati sama ada bersaiz kecil mahupun besar," katanya.

Mohd Sufi berkata, penduduk tidak menolak kemungkinan kejadian itu berpunca sisa najis daripada ladang ternakan ayam berhampiran, apabila air najis disalurkan ke dalam parit kemudiannya memasuki sungai berikutan hujan lebat sejak beberapa hari sebelum itu.

"Biasanya bulan hujan lebat air najis akan dibawa ke sungai.

Ketika cuaca panas, ia tidak berlaku seperti ini kerana sisa najis tersangkut dalam parit.

"Perkara ini pernah diajukan kepada pihak berkuasa, termasuk menjalankan tinjauan bersama pegawai penguat kuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS) supaya tindakan segera diambil.

"Sebelum ini, ada kakitangan Jabatan Perikanan turut membuat pemeriksaan bagi mengenal pasti punca," katanya.

JAS buat siasatan

Sementara itu, JAS melalui kenyahtaan memaklumkan pegawai penyiasat menyusuri sungai bermula dari Sungai Temehel ke arah hulu Sungai Bekok dan mendapati aduan itu berasas.

"Dengan bantuan orang awam, pasukan menemui satu alur air berwarna hitam serta berbau busuk yang disyaki punca pencemaran Sungai Bekok.

"Hasil siasatan mendapati ia



Ikan air tawar pelbagai spesies ditemukan mati di Sungai Bekok, dekat Yong Peng, semalam.
(Foto Alias Abd Rani dan Muhd Sufi /BH)

dari tapak penyimpanan najis ayam di sebuah ladang ternakan yang tidak dikawal selia dengan baik sehingga menyebabkan kaucau ganggu awam dan mencemari air sungai.

"Surat pemakluman sudah dipanjangkan kepada agensi berkaitan bagi menangani isu ini. Aktiviti ternakan tidak dikuatkuasakan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974," katanya.

TARIKH

24/9/2025

MEDIA

BERITA
HARIAN

RUANGAN

NASIONAL

MUKA
SURAT

19

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/9/2025	HARIAN METRO	LOKAL	6



AIR najis yang disalurkan ke dalam parit berhampiran.



BANGKAI ikan yang ditemui mati di dalam sungai.

DIDAKWA DARIPADA PELEPASAN SISA NAJIS LADANG TERNAKAN

Lebih 1 tan ikan mati!

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

Batu Pahat

Lebih satu tan ikan air tawar pelbagai spesies ditemukan mati di Sungai Bekok dekat Yong Peng di sini, didakwa berpunca daripada pelepasan sisa najis dari ladang ternakan berhampiran.

Bangkai ikan terdiri daripada baung, lampam, terbol dan lundu itu dilihat terapung sejauh 15 kilometer di sepanjang sungai terbabit.

Nelayan sungai, Muhd Sufi Sharifudin, 31, berkata, kejadian kali ini adalah paling banyak ikan ditemui mati sejak dia menetap di

kawasan itu kira-kira lima tahun lalu.

"Pada akhir bulan lalu, hampir setan ikan ditemukan mati dan pada ketika itu, saya bersama Jabatan Perikanan melakukan tinjauan di sungai bagi mengenal pasti puncanya.

"Pada 18 September lalu adalah kes terbesar kerana lebih banyak ikan mati sama ada yang bersaiz kecil mahupun besar.

"Saya terkejut bila turun ke sungai dan melihat banyak ikan mati terapung. Ia boleh dilihat sepanjang 15 km menyusuri sungai terbabit.

"Kami tidak menolak kemungkinan ia berpunca sisa najis daripada ladang ternakan ayam berhampiran.

Air najis disalurkan ke dalam parit kemudiannya memasuki sungai berikutan hujan lebat sejak beberapa hari sebelum itu.

"Biasanya bulan hujan lebat air najis akan dibawa ke sungai. Ketika cuaca panas, ia tidak berlaku seperti ini kerana sisa najis tersangkut dalam parit," katanya ketika ditemui.

Sementara itu, pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) Batu Pahat menjalankan siasatan aduan ikan mati di Sungai Bekok bagi mengenal pasti punca kejadian.

JAS dalam kenyataan memberitahu, pegawai penyiasat menyusuri sungai bermula dari Sungai Temel ke arah hulu Sungai

Bekok dan mendapati aduan adalah berasas.

"Dengan bantuan orang awam, pasukan menemui satu alur air berwarna hitam serta berbau busuk yang disyaki punca pencemaran Sungai Bekok.

"Hasil siasatan mendapati ia dari tapak penyimpanan najis ayam di sebuah ladang ternakan yang tidak dikawal selia dengan baik sehingga menyebabkan kausau ganggu awam dan mencemari air sungai.

"Surat pemakluman sudah dipanjangkan kepada agensi yang berkaitan bagi menangani isu ini. Aktiviti ternakan tidak dikuat kuasa di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/9/2025	HARIAN METRO	LOKAL	6

Batu Pahat: Kerja pemberisihan sistem saliran tidak mengikut standard ditetapkan menjadi punca pencemaran anak sungai hingga menyebabkan banyak ikan mati di Sungai Bekok di sini.

Penemuan itu dibuat Bahagian Penguatkuasaan Majlis Daerah Yong Peng (MDYP) yang menjalankan pemantauan terhadap sebuah kilang memproses najis ayam susulan laporan pelepasan najis ayam ke dalam parit yang menyebabkan gangguan anak sungai.

MDYP dalam kenyataan berkata, sebelum ini pihak sudah mengeluarkan arahan supaya sisa najis ayam tidak dilepaskan ke dalam sungai yang menjadi punca pencemaran.

"Walaupun tindakan itu diambil pihak syarikat tetapi masih tidak mengikut standard pembinaan kolam takungan supaya sisa tidak



PENGUAT KUASA MDYP menjalankan pemantauan terhadap sebuah kilang memproses najis ayam susulan laporan pelepasan tinja (sisa buangan) ayam ke dalam parit.

Sistem saliran tak ikut standard

lepas ke dalam sungai.

"Sebanyak tujuh kali pemantauan dijalankan sejak 11 hingga 17 September di dua lokasi iaitu Jalan Labis-Yong Peng, Kampung Ngamarto dan Batu 18, Mukim Chaah Baru.

"Pemantauan berkala dilakukan pada pagi dan petang ketika kilang mem-

proses dan menjual baja itu tidak beroperasi.

"Pemilik premis juga patuh notis dikeluarkan pada 8 September 2025 untuk menghentikan perniagaan serta merta," katanya kenyataan itu.

Sebelum ini, penduduk mendakwa, lebih setan bangkai ikan ditemukan te-

rapung di Sungai Bekok berpunca sisa najis dari ladang ternakan ayam yang memasuki sungai itu.

Pada masa masa, Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengesahkan menemui alur air berwarna hitam serta berbau busuk yang disyaki punca pencemaran Sungai Bekok.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/9/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	16

Tahi ayam punca sungai tercemar



Air Sungai Bekok berubah warna kehitaman selain berbau busuk.

Air hitam dari ladang ternakan ayam mengalir ke sungai

Oleh NOR AZURA MD AMIN
BATU PAHAT

Sikap tidak bertanggungjawab pengusaha tapak penyimpanan tahi ayam di sebuah ladang ternakan membiarkan najis haiwan itu mengalir ke sungai hingga menyebabkan pencemaran, malah turut memusnahkan ekosistem semula jadi di Sungai Bekok, Yong Peng.

Keadaan itu menyebabkan air su-

ngai menjadi hitam dan busuk manakala habitat ikan yang ada juga musnah apabila bangkai ikan mulai timbul di permukaan.

Menurut kenyataan Jabatan Alam Sekitar (JAS), siasatan dijalankan penguat kuasa Cawangan Batu Pahat pada Isnin sebaik menerima aduan orang ramai.

"Pemeriksaan menyusuri aliran Sungai Temehel ke hulu Sungai Bekok mendapati terdapat alur air berwarna hitam disyaki menjadi punca pencemaran.

"Penyimpanan tahi ayam di tapak ternakan yang tidak dikawal selia dengan baik menyebabkan kacau gangguan awam selain mencemari sungai," katanya dalam satu kenyataan di Facebook rasmi JAS pada Selasa.

Jelasnya, surat pemakluman su-

dah dipanjangkan kepada agensi berkaitan untuk tindakan lanjut.

"Ia berikutan aktiviti ternakan tidak tertakluk di bawah penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974," katanya.

Terdahulu pada Isnin, JAS Johor mengambil maklum aduan berhubung pencemaran Sungai Bekok dan segera menjalankan siasatan.

Menurut Exco Alam Sekitar dan Kesihatan negeri, Ling Tian Soon berkata, pegawai JAS Batu Pahat sudah bertemu pengadu sebelum dibawa ke lokasi kejadian untuk melakukan pemeriksaan lanjut.

Menurut kenyataan itu, JAS meminta Majlis Daerah Yong Peng dan Jabatan Veterinar Johor di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk menjalankan siasatan bersama.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/9/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	4

Kerajaan dicadang wujudkan kad petrol khas pesawah

ALOR SETAR - Kerajaan disarankan mewujudkan kad petrol khas pesawah bagi memastikan golongan tersebut mendapat akses terus kepada subsidi bahan api mengikut keperluan sebenar kerja sawah dan pertanian.

Koordinator Gerakan Melawan Penindasan Petani (Gempita), Mohd Ashraf Mustaqim Badrul Muni berkata, cadangan itu dibuat selepas melihat inisiatif pelaksanaan Program Budi Madani RON95 (BUDI95) dirasakan tidak mengambil kira secara khususnya penggunaan petrol untuk kelangsungan kerja pesawah di bendang.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Siputeh berkata, cadangan itu boleh dilaksanakan seperti sistem subsidi nelayan dan dipantau melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

"Kad ini mestilah membolehkan pesawah membeli petrol bersubsidi bagi peralatan kecil mereka manakala bagi penggunaan diesel pula, perlu diwujudkan mekanisme khusus untuk penyedia per-



MOHD ASHRAF

khidmatan pertanian termasuk pengusaha mesin padi, traktor, jentolak, jengkaut, lori padi dan lain-lain.

"Mekanisme ini boleh diselaraskan juga melalui PPK bagi memastikan subsidi diesel sampai kepada kerja sawah dan tidak diseleweng. Dengan cara ini, kos operasi dapat diringankan, kadar sewaan jentera lebih terkawal dan pesawah tidak lagi

menanggung kesan penuh daripada kenaikan bahan api," katanya pada Selasa.

Beliau mendakwa, walaupun BUDI95 dilaksanakan, nasib pesawah tidak berubah di mana kos input pertanian terus meningkat, keuntungan semakin menipis dan akhirnya beban ini jatuh kepada pesawah yang menjadi tulang belakang pengeluaran beras negara.

Beliau berkata, reformasi subsidi mesti dilakukan secara menyeluruh dengan memberi keutamaan kepada golongan tersebut sekali gus memastikan keterjaminan makanan negara bukan menumpukan kepada pemegang lesen kenderaan semata-mata.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/9/2025	KOSMO	NIAGA	30

Inflasi naik 1.3% Ogos lalu

- Makanan dan minuman naik 2%
- Inflasi Kelantan terendah, 0.1%

PETALING JAYA – Inflasi Malaysia meningkat 1.3 peratus bulan lalu, berdasarkan laporan Indeks Harga Pengguna (IHP) Ogos 2025 yang diterbitkan Jabatan Perangkaan semalam.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, 59.7 peratus item (342 daripada 573) dalam bakul IHP merekodkan kenaikan harga.

"Daripada jumlah tersebut, 332 item (97.1 peratus) mencatatkan peningkatan kurang atau sama dengan 10 peratus, manakala hanya 10 item merekodkan kenaikan melebihi 10 peratus pada Ogos 2025.

"Baki sebanyak 185 item (32.3 peratus) menunjukkan penurunan, manakala 46 item kekal tidak berubah," katanya dalam kenyataan.



INFLASI makanan dan minuman, mewakili hampir 30 peratus daripada wajaran IHP meningkat perlahan sebanyak dua peratus. – GAMBAR HIASAN

Kumpulan makanan minuman, yang menyumbang 29.8 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP meningkat dua peratus pada Ogos, berbanding 1.9 peratus pada bulan sebelumnya.

Inflasi subkumpulan Makanan di luar rumah kekal dengan kadar

4.3 peratus seperti yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.

Makanan di rumah pula menurun sebanyak 0.1 peratus (Julai 2025: -0.3 peratus), disumbangkan oleh penurunan kelas perbelanjaan sayur-sayuran (-6.5 peratus); susu, produk tenusu

lain dan telur (-1.4 peratus); buah-buahan dan kacang (-0.7 peratus); bijirin dan produk bijirin (-0.6 peratus) dan daging (-0.5 peratus).

Pada masa sama, beberapa kelas perbelanjaan menunjukkan peningkatan pada Ogos 2025 seperti ikan dan makanan laut lain (2.3 peratus); minyak dan lemak (1.4 peratus); serta gula, manisan dan pencuci mulut (0.6 peratus).

Katanya, 10 negeri merekodkan peningkatan di bawah paras inflasi nasional, dengan Kelantan merekodkan inflasi terendah (0.1 peratus) dan empat negeri merekodkan peningkatan melebihi paras nasional iaitu Johor (dua peratus), Selangor (1.5 peratus), Terengganu (1.5 peratus) serta Negeri Sembilan (1.4 peratus).

Berbanding negara-negara terpilih, inflasi di Malaysia lebih rendah berbanding Vietnam (3.2 peratus), Indonesia (2.3 peratus) dan Korea Selatan (1.7 peratus), namun lebih tinggi berbanding Thailand (-0.8 peratus) dan China (-0.4 peratus).

Pengeluaran madu lebah tualang merosot sehingga 90 peratus

Penerokaan hutan ancaman lebah

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD
utusannews@mediamula.com.my

TEMERLOH: Pengeluaran madu lebah tualang yang menjadi khazanah hutan simpan di negeri ini mencatatkan kemerosotan ketara apabila hanya 300 kilogram (kg) direkodkan sehingga September tahun ini, berbanding 2,500kg bagi tempoh sama tahun lalu.

Pengumpul madu, Saudi Sidek, 64, berkata, penurunan hampir 90 peratus itu berpunca daripada pengecilan kawasan hutan yang semakin menekan habitat lebah, selain pembakaran terbuka yang mengganggu ekosistem bunga hutan seperti durian dan petai yang menjadi sumber makanan utama lebah.

Katanya, situasi itu sangat

membimbangkan kerana industri madu tualang tempatan terancam, sekiranya faktor persekitaran terus merosakkan habitat semula jadi lebah.

"Madu tualang bermusim dari Mac hingga Ogos, tetapi tahun ini hasilnya terlalu sedikit. Jika dahulu kami boleh mengutip lebih dua tan metrik, kini untuk dapat beberapa ratus kg pun sukar," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Bolok, Lanchang di sini.

Saudi yang juga pesara Pembantu Hidupan Liar Kanan di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) Kuala Gandah berkata, madu lebah tualang bukan sekadar berkhasiat, malah menjadi simbol warisan alam yang disebut dalam al-Quran.

Katanya, selain digemari peng-

guna tempatan, produk yang dijenamakan sebagai Madu Tualang Saudi Kuala Gandah Pahang turut mendapat permintaan dari dalam dan luar negara.

"Pelancong dari England, Perancis, Belanda dan beberapa negara lain yang berkunjung ke PKGK Kuala Gandah sanggup membeli madu tualang di sini kerana mereka tahu keasiannya. Malah ada yang datang ke Malaysia semata-mata mahu mendapatkan madu tualang Kuala Gandah," katanya.

Beliau berkata, harga madu tualang dijual antara RM20 hingga RM170 mengikut isian 60 mililiter hingga satu kg dan setiap madu yang dituai dari pokok tualang seberat kira-kira 30kg akan dihasilkan mengikut sarang bagi mengekalkan keaslian rasanya.



SAUDI Sidek melakukan pembungkusan madu tualang untuk pasaran tempatan dan luar negara ketika ditemui di Kampung Bolok, Lanchang, Pahang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/9/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	10

'Naikkan harga kepada RM1,800'

PeSAWAH harap kerajaan kaji semula harga lantai padi

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR
ALOR SETAR



ABDUL RASHID



MOHD HELMI



Berdasarkan kajian semasa, kos mengusahakan sawah kini mencecah sekitar RM5,500 bagi setiap hektar, menjadikan kos pengeluaran bagi satu metrik tan padi sekitar RM1,500.

Golongan pesawah menyuarakan harapan agar kerajaan mempertimbangkan semula kadar harga lantai padi dalam pembentangan Belanjawan 2026 bulan depan.

Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) menegaskan bahawa harga lantai semasa sebanyak RM1,500 per metrik tan tidak lagi mencukupi untuk menampung kos pengeluaran yang semakin meningkat, sekali gus menjejaskan pendapatan pesawah.

Pengerusinya, Abdul Rashid Yob berkata, berdasarkan kajian semasa, kos mengusahakan sawah kini mencecah sekitar RM5,500 bagi setiap hektar, menjadikan kos pengeluaran bagi satu metrik tan padi sekitar RM1,500.

"Dengan harga lantai yang hanya menyamai kos pengeluaran, pesawah tidak memperoleh sebarang keuntungan. Ini amat membebankan, lebih-lebih lagi bagi mereka yang perlu menanggung

keluarga," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, PeSAWAH mencadangkan agar harga lantai dinaikkan kepada RM1,800 per metrik tan sebagai langkah realistik untuk mengurangkan tekanan ekonomi yang dihadapi pesawah.

"Langkah ini bukan semata-mata untuk membantu golongan B40, tetapi untuk memastikan kelangsungan sektor padi negara. Jika pesawah terus tertekan, ia akan menjejaskan pengeluaran dan sekuriti makanan negara," ujarinya.

Tambah Abdul Rashid, kerajaan juga perlu meneliti semula struktur kos pengeluaran yang ditanggung pesawah, termasuk harga input pertanian dan bahan api, yang semakin meningkat sejak subsidi diesel ditarik balik.

Beliau turut menyuarakan kebimbangan terhadap ketiadaan perlindungan sosial yang memadai, termasuk insurans dan kemudahan kesihatan, meskipun pesawah merupakan antara penyumbang

utama kepada sekuriti makanan negara.

Katanya, sudah tiba masanya kerajaan mempertimbangkan penubuhan skim insurans khas untuk pesawah yang berdepan pelbagai risiko.

Katanya, terdapat beberapa kes kesihatan pesawah terjejas akibat keracunan dan kemalangan di sawah yang direkodkan dalam tempoh tiga bulan kebelakangan ini.

"Kalau tiada jaminan pendapatan dan kebajikan yang stabil, anak muda akan lari dari sawah. Kita perlukan dasar yang bukan sahaja bantu pesawah sedia ada, tetapi tarik generasi baharu," katanya.

Sementara itu, pesawah dari Jitra, Mohd Helmi Abu Hanafiah, 49, berkata,

kenaikan harga lantai amat diperlukan memandangkan risiko kerugian semakin tinggi jika tanaman tidak menjadi.

"Kalau harga lantai kekal rendah, kami hanya mampu bertahan, bukan berkembang," katanya.

Beliau turut menyambut baik cadangan PeSAWAH agar kerajaan memperkenalkan skim perlindungan sosial khas untuk pesawah, termasuk insurans kemalangan dan kesihatan asas.

Bagi petani muda dari Alor Setar, Aswadiil Khairi Che Omar, 41, yang juga Pengerusi Kumpulan Peladang Muda PPK MADA, isu harga lantai bukan sahaja berkait keuntungan, tetapi juga motivasi anak muda untuk kekal dalam sektor pertanian.

**MENJELANG
BELANJAWAN
2026**